



PERATURAN PERTANDINGAN FESYEN (BUSANA KREATIF NASIONAL KOSTUM MALAYSIA)

23 – 25 September 2022

Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, WP Labuan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

JABATAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN & KESENIAN , PERBADANAN LABUAN

(T) : +6 087 420231/ 408740 JR (+016 806 9690)

(F) : +6 087 426 582

(E) : explore@labuantourism.my

(W) : www.labuantourism.my

Yuran Penyertaan : RM150.00

Tarikh tutup penyertaan : 9 September 2022 (Jumaat)

**PERTANDINGAN BUSANA KREATIF NASIONAL KOSTUM MALAYSIA
SEMPENA BORNEO ARTS FESTIVAL 2022 PADA 23 - 25 SEPT 2022
DI WP LABUAN**

PERATURAN PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah **TERBUKA**.
2. Peserta diwajibkan untuk mengisi borang penyertaan dengan lengkap dan betul. Sekiranya borang tidak lengkap atau berlaku penipuan maklumat dalam borang tersebut, maka penganjur berhak membatalkan penyertaan tanpa penjelasan atau notis awal.
3. Tema rekaan adalah **Busana Kreatif Nasional Kostum Malaysia**.
4. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko tindakan undang-undang ke atas mana-mana peserta yang menyertai pertandingan ini daripada pihak ketiga.
5. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos pengangkutan dan penginapan, kerugian, kerosakkan, kecederaan, kehilangan serta kemalangan yang berlaku kepada peserta sepanjang pertandingan berlangsung.
6. Peserta dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh penganjur semasa pertandingan.
7. Penganjur berhak menolak sebarang penyertaan daripada mana-mana peserta yang tidak memenuhi syarat pertandingan dan terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat.
8. Peserta hendaklah menghasilkan rekaan yang dicipta sendiri.
9. Hasil rekaan hendaklah ditampilkan dengan **SOPAN** dan bersesuaian untuk dipertandingkan selaras dengan tema yang diberikan. Manakala, segala kos penyertaan pertandingan adalah ditanggung oleh peserta sendiri.
10. Peserta boleh memilih *model* yang bersesuaian untuk memperagakan hasil rekaan yang dipertandingkan. Semua *model* adalah tanggungjawab peserta dan haruslah mematuhi arahan dan peraturan penganjur.
11. Keputusan adalah muktamad dan sebarang surat rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
12. Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM150.00** sahaja bagi setiap penyertaan. Wang penyertaan tidak akan dikembalikan sekiranya peserta menarik penyertaan.

13. Peserta **WAJIB** menamakan hasil rekaan atau Negeri / Suku kaum mana yang dipertandingkan.
14. Peserta mestilah memilih **SATU** rekaan busana daripada satu Negeri atau satu Suku kaum sahaja yang terdapat di Malaysia.
15. Borang penyertaan mestilah dihantar sebelum atau selewat-lewatnya pada 9 September 2022.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi talian 087-408740 atau urusetia 016 8069690 (JR),

16. Pembayaran boleh dilakukan di :

➤ **Kaunter Pembayaran PL**
Blok B, Tingkat Bawah, Wisma Perbadanan Labuan

➤ **Akaun Bank Islam**
Nama : Perbadanan Labuan
No. Akauan : 1501-1010-0057-12

- Sila nyatakan Tujuan pembayaran / recipient reference
- **(Recipient Reference; NAMA PEREKA)**
(Other Payment Dertails: BAF2022/BUSANA)
- Sila lampirkan salinan pembayaran di dalam borang pertandingan di dalam talian *e-borang*

HADIAH PERTANDINGAN

PERTAMA : RM5,000.00 + TROFI + SIJIL
KEDUA : RM3,000.00 + TROFI + SIJIL
KETIGA : RM2,000.00 + TROFI + SIJIL
KEEMPAT : RM1,000.00 + SIJIL
KELIMA : RM1,000.00 + SIJIL

**JADUAL BENGKEL DAN PERTANDINGAN FESYEN
SEMPENA BORNEO ART FESTIVAL 2022**

TARIKH	MASA / TEMPAT	PERKARA
24 September 2022 (Sabtu)	(2.00pm - 5.00pm) Ruang Legar Pentas Terbuka Anggerik,Ujana Kewangan	Bengkel dan Taklimat Pertandingan
25 September 2022 (Ahad)	(9.00am - 1.00pm) Ruang Legar Pentas Terbuka Anggerik,Ujana Kewangan	Prejudge
25 September 2022 (Ahad)	(2.00pm – 4.00pm) Ruang Legar Pentas Terbuka Anggerik,Ujana Kewangan	Pertandingan Fesyen
	(7.00pm – 11.00pm) Konvensyen Hall Ujana Kewangan Labuan.	Keputusan Pertandingan dan Penyampaian Hadiah bersama VIP Jemputan